

CERAMAH ANTI DADAH SKN 322 TUDM BUKIT IBAM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2568-ceramah-anti-dadah-skn-322-tudm-bukit-ibam

BUKIT IBAM, 16 Okt 17 – Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam dengan usaha sama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Rompin telah menganjurkan Ceramah Kesedaran Bahaya Dadah bertempat di Dewan Seri Ibam Skn 322. Ceramah yang disampaikan oleh wakil AADK Daerah Rompin, En. Saifudin bin Rosli ini telah mendapat sambutan oleh seluruh warga Skn 322 TUDM Bukit Ibam.

Disamping itu, turut diadakan pameran antidadah serta ujian urin secara rawak ke atas warga Skn 322. Program ini diadakan bagi memastikan seluruh warga Skn 322 mendapat maklumat pendidikan pencegahan dadah seterusnya mampu mewujudkan suasana persekitaran tempat kerja yang aman dan selamat.

